

12 NOV 2001

Dewan-Terengganu (Islam)

TERENGGANU NEGERI ISLAM APABILA PAS MENERAJUI KERAJAAN NEGERI

KUALA TERENGGANU, 12 Nov (Bernama) -- Terengganu telah menjadi sebuah negeri Islam apabila PAS mengambil alih pemerintahan kerajaan negeri setelah menang pilihan raya pada 29 Nov 1999, Dewan Undangan Negeri Terengganu diberitahu hari ini.

"Sebaik sahaja Suruhanjaya Pilihan Raya mengumumkan parti PAS menang pilihan raya, maka bermulalah sebuah pemerintahan kerajaan Islam," kata Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah, Harun Taib.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Abu Bakar Ali (BN-Kemasik) mengenai bilakah Terengganu akan diisytiharkan sebagai sebuah negeri Islam secara rasmi.

Semasa ditanya adakah PAS akan menyahut cabaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menyatakan secara bertulis konsep negara Islam, Harun berkata perkara itu tidak perlu kerana kesemuanya telah terkandung di dalam Al-Quran dan Hadis.

Menjawab soalan Datuk Abdul Rashid Ngah (BN-Seberang Takir), Harun berkata Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (Maidam) telah meluluskan pinjaman sebanyak RM3.5 juta kepada Yayasan Terengganu (YT) untuk menaja pelajarannya di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (Kusza).

Katanya, pinjaman itu diberikan kerana YT tidak lagi mampu memberikan pinjaman kepada 1,197 pelajar tajaannya disebabkan tindakan Kerajaan Pusat yang tidak menyalurkan hasil petroleum kepada kerajaan negeri.

Sementara itu, kerajaan negeri hari ini disaran supaya mengambil alih pengurusan Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu (PBSNT) bagi membolehkan program pembangunan bola sepak diatur dengan kemas.

Roslan Ismail (PAS-Bukit Besi) berkata langkah itu wajar bagi membolehkan persatuan itu merancang pembangunan sukan bola sepak dengan lebih mudah pada masa akan datang.

"Kita harap usaha mengambil alih pengurusan PBSNT dapat dilaksanakan secara demokrasi agar tidak berlaku lagi (masalah) duri dalam daging bagi membangunkan sukan bola sepak negeri ini," katanya semasa membahaskan belanjawan.

Sambil mengucapkan tahniah kepada pasukan Terengganu yang telah menjuarai Piala Malaysia musim ini, beliau meminta kerajaan negeri untuk memberikan sumbangan kepada pasukan itu.

-- BERNAMA

AYB HIS MOZ